KPM arah institut pendidikan perketat kawalan keselamatan

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof - November 25, 2023 @ 4:04pm
bhnews@bh.com.my



Hui Ying (dua dari kanan) menyampaikan peruntukan projek menaik taraf infrastruktur dan pembangunan sekolah kepada Pengetua Sekolah SMKA Perempuan AlMashoor, Rosnah Othman (dua dari kiri) pada Majlis Anugerah Cemerlang Akademik SMKA Perempuan AlMashoor. - Foto NSTP/Danial Saad

GEORGETOWN: Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil maklum kekhuatiran segelintir ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah susulan insiden ancaman bom membabitkan 51 sekolah di beberapa negeri setakat ini.

Timbalan Menterinya, Lim Hui Ying, berkata pihaknya memperketatkan lagi garis panduan sedia ada bagi menjamin keselamatan seluruh warga sekolah termasuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan serta kawalan di lokasi terbabit.

"Kita memahami perasaan ibu bapa jika ada ibu bapa mahu berhenti menghantar anak mereka ke sekolah buat sementara, kita boleh faham namun kita tetap akan memastikan keselamatan di sekolah terjamin.

"Pihak sekolah juga sudah diberitahu supaya memastikan kawalan keselamatan sekolah diperketatkan selain berwaspada dengan kehadiran individu tidak dikenali termasuk mengadakan rondaan berkala.

"Dalam hal ini, keselamatan warga sekolah termasuk murid dan guru menjadi keutamaan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Anugerah Cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Al Mashoor di sini, hari ini.

Hui Ying turut menegaskan, KPM turut memberi kerjasama penuh kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memastikan segala bentuk ancaman bertujuan menimbulkan ketakutan awam dilaporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut.

"Kita akan memastikan segala ancaman yang diterima di institusi pendidikan atau selagi ada laporan kita akan terus maklumkan kepada PDRM. Kita harap kes sebegini akan berhenti kerana ia membimbangkan semua pihak," katanya.

Setakat 23 November lalu, PDRM menerima sebanyak 51 laporan berhubung ancaman bom palsu membabitkan 18 sekolah di Selangor, Kuala Lumpur (7), Johor (6), Negeri Sembilan (3), Pulau Pinang (4), Sarawak (5), Perak (3), Sabah (2) dan Kedah (3).

Terdahulu, Hui Ying merangkap Ahli Parlimen Tanjong menyampaikan peruntukan berjumlah RM100,000 bertujuan membiayai kerja-kerja menaik taraf infrastruktur dan projek pembangunan SMKA (P) Al Mashoor.